

**Perhimpunan Agung Umno: Perwakilan Beri Mandat Pada Pucuk Pimpinan  
Tentukan  
mStar Online  
Disember 2, 2011**

**KUALA LUMPUR:** Naib Presiden Umno, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, perwakilan telah memberikan mandat kepada Presiden parti Datuk Seri Najib Tun Razak untuk memilih 'winnable candidate' bagi parti itu, apabila mereka meluluskan ucapan dasar presiden petang Jumaat. "Mereka yang ada di dalam dewan (perwakilan Umno) baru memberikan mandat kepada Perdana Menteri...sekarang terpulang kepada Najib siapa calon boleh menang.

"Isu calon boleh menang untuk Umno sudah selesai," katanya kepada pemberita selepas berjumpa dengan Kelab Umno Luar Negara di luar Perhimpunan Agung Umno 2011, di sini.

Hishammuddin berkata, isunya sekarang ialah menentukan calon boleh menang bagi Barisan Nasional (BN), khususnya yang membabitkan kawasan tertentu kerana selain calon boleh menang, BN juga menekankan kerusi boleh menang.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd  
Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/12/2/mstar\\_berita/20111202225713&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/12/2/mstar_berita/20111202225713&sec=mstar_berita)